

PRU13 : ISU DAN POLA PENGUNDIAN DI KAWASAN LUAR BANDAR DI SARAWAK

**Dick Lembang, Neilson Ilan Mersat & Spencer Empading
Sanggin**

**Fakulti Sains Sosial
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK**

Pengenalan

Sarawak telah melalui proses pilihanraya sejak awal tahun 1960an lagi. Pada peringkat awalnya pilihanraya diadakan di peringkat kerajaan tempatan di mana rakyat mengundi wakil-wakil mereka untuk menjadi ahli majlis kerajaan tempatan. Pilihanraya yang diadakan adalah secara tidak langsung dan berdasarkan three-tier system (Tilman, 1963: 508). Pada tahun 1969 sistem pilihanraya sebegini diubah dan rakyat di Sarawak buat pertama kalinya berpeluang untuk membuat pemilihan secara langsung. Kajian yang dibuat oleh Milne dan Ratnam (1974), Roff (1974), dan Leigh (1974) mencerakinkan pengalaman rakyat di Sarawak yang terlibat buat kali yang pertama dalam pilihanraya secara langsung. Kali terakhir Sarawak mengadakan pilihanraya Dewan Undangan Negeri (DUN) ialah pada bulan April 2011 manakala pilihanraya umum untuk parlimen ialah pada Pilihanraya Umum Ke 13 (PRU13) iaitu pada bulan Mei 2013. Berbeza dengan negeri-negeri lain di Malaysia, pilihanraya Dewan Undangan Negeri dan Pilihanraya umum tidak dadakan serentak di negeri Sarawak. Jarak di antara kedua-dua pilihanraya tersebut ialah selang dua tahun. Ini juga bermakna pengundi-pengundi di Sarawak lebih kerap merasakan bahang pilihanraya di bandingkan dengan tempat-tempat lain di Malaysia.

Lanskap Politik Sarawak Selepas PRU 12 dan PR DUN 2011

Sarawak telah mengadakan pilihanraya DUN kali terakhir pada bulan April 2011. Dalam pilihanraya tersebut kawasan bandar yang dahulunya pernah dikuasai oleh salah sebuah parti komponen BN iaitu